



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN HARGAI INISIATIF KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAYAR PINJAMAN PTPTN BERJUMLAH RM77.99 JUTA

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak kerana prihatin dan berterusan membantu peminjam PTPTN yang terdiri daripada anak-anak Sarawak membayar baki hutang pinjaman PTPTN melalui inisiatif yang dilaksanakan.
2. Majlis penyerahan replika cek berjumlah RM41.84 juta daripada Yayasan Sarawak kepada PTPTN melalui Kerjasama Insentif Bayaran Balik Pinjaman PTPTN Anak Sarawak telah diadakan pada 2 Ogos 2023 di Hotel Grand Millenium, Kuala Lumpur. Turut hadir, Yang Berusaha Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, Yang Berusaha Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli, Pengarah Yayasan Sarawak dan para pegawai daripada kedua-dua belah pihak.
3. Kerajaan Negeri melalui Yayasan Sarawak telah melaksanakan jalinan kerjasama dengan PTPTN dalam usaha membantu pelajar Sarawak meringankan beban hutang pinjaman PTPTN masing-masing. Melalui kerjasama ini, Kerajaan Negeri Sarawak akan membayar sebanyak 30% daripada baki hutang pinjaman PTPTN terkini bagi peminjam yang telah menyelesaikan sekurang-kurangnya 30% hutang pinjaman PTPTN mereka.
4. Sejak diperkenalkan insentif ini pada tahun 2020, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Sarawak telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM77.99 juta dengan seramai lebih 22,000 peminjam telah menerima manfaat ini. Inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak ini membuktikan sokongan serta merupakan usaha proaktif Kerajaan Negeri dalam memastikan peminjam PTPTN yang terdiri daripada anak-anak Sarawak bebas daripada belunggu hutang.

5. Menurut Datuk Norliza Abd Rahim, Pengerusi PTPTN, “Saya berharap Kerajaan Negeri Sarawak akan terus menyokong usaha yang dibuat oleh PTPTN untuk membudayakan pembayaran balik pinjaman dalam kalangan masyarakat untuk kesinambungan pinjaman kepada generasi akan datang. Rakyat negeri Sarawak amat bertuah kerana mempunyai kerajaan yang prihatin dalam menyediakan keperluan rakyat terutamanya dari aspek kewangan bagi tujuan pengajian tinggi.”

6. Bagi memudahkan urusan, peminjam PTPTN tidak perlu mengemukakan sebarang permohonan. PTPTN akan mengenal pasti pelajar yang telah menamatkan pengajian mereka dengan jayanya dan bayaran balik pinjaman PTPTN telah mencapai 30% dan ke atas. Para peminjam boleh membuat semakan bagi nama peminjam yang layak melalui portal rasmi PTPTN di www.ptptn.gov.my/SemakanInsentifBayaranBalikAnakSarawak dari semasa ke semasa.

7. Untuk maklumat lanjut, para peminjam juga boleh menghubungi *Careline* PTPTN melalui talian di 03 - 2193 3000 yang beroperasi pada hari Isnin hingga Jumaat, jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dan melalui Soalan Lazim di Portal PTPTN.